



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan **UPEN** Dan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk Projek	Kod Bidang	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen
PTGS/TENDER 03/2016	CADANGAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENCETAK KERTAS KESELAMATAN UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR	Kod Bidang: 221607 Mempunyai Lesen Mesin Cetak Yang Sah Dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).	05 April 2016 (Selasa) di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	RM 50.00

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **05 April 2016 (Selasa)** pada waktu pejabat di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
2. Dokumen Tender akan dijual dari **05 April 2016 hingga 22 April 2016** pada waktu pejabat. Dokumen Tender **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.
3. Hanya pengurus/pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti di dalam sijil pendaftaran atau wakil yang telah diberi kuasa dibenarkan untuk membeli dan mengambil Dokumen Tender. Petender/Wakil hendaklah membawa bersama **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) DAN SIJIL UPEN**.
4. Salinan-salinan perakuan dan Sijil Pendaftaran yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk **Wang Pos/Kiriman Wang Pos Atas Nama" BENDAHARI NEGERI SELANGOR"**.
5. **Tarikh tutup tender ini adalah pada 22 April 2016 bersamaan hari Jumaat jam 12.00 tengah hari.**
6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tender di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
TINGKAT 4 PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
SHAH ALAM, SELANGOR**